

Berita Harian (Selatan Timur) 15/11/19.

Penduduk Kampung Koi gotong-royong bersihkan Sungai Rengat

Jerantut: Penduduk Kampung Koi dekat sini, mengambil inisiatif bergotong-royong membersihkan Sungai Rengat yang tercemar sebelum ini dalam usaha menjadikan kawasan itu sebagai pusat rekreasi tarikan pelancong.

Sungai Rengat sebelum ini tercemar akibat kegiatan pembalakan haram di Hutan Simpan Sungai Rengat sehingga penduduk merungut disebabkan tebing sungai runtuh dan air keruh.

Selepas tindakan tegas diambil Jabatan Perhutanan Pahang berhubung isu itu, Sungai Rengat kini kembali pulih dengan airnya jernih.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Koi, Razali Isa, 60, berkata usaha membersihkan sungai itu dilakukan bagi memperkenalkan Sungai Rengat sebagai destinasi pelancongan baharu di daerah ini.

"Kawasan sungai ini cantik kerana airnya jernih, sejuk dan cetek serta mempunyai bentuk batu-batan menarik yang sesuai dijadikan kawasan rekreasi keluarga.

"Jadi, penduduk kampung mengambil beberapa inisiatif dengan bergotong-royong membersihkan dan menyusun semula batu-batan di beberapa lokasi supaya sesuai dijadikan kawasan mandi, selain melepaskan pelbagai spesies anak ikan sumbangan Jabatan Perikanan," katanya.

Beliau berkata, usaha dilakukan penduduk kampung itu turut dibantu oleh Kelab Ekstrem **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, sekali gus dapat merapatkan hubungan silaturahmi antara penduduk dengan generasi muda.

"Selain membersihkan sampah di kawasan sungai, program berkenaan juga dapat menyemai sikap tanggungjawab dalam kalangan penduduk kampung supaya menjaga dan memelihara khazanah alam ini," katanya.

Razali berkata, MPKK juga menubuhkan Kelab Kembara Sungai Rengat dianggotai golongan muda sebagai usaha menjadikan sungai sebagai destinasi popular, selain membawa pelancong luar menikmati keindahan alam di sekitar Sungai Rengat khususnya menjejak bunga Rafflesia.

"Aset seperti sungai dan hutan ini perlu dijaga supaya ekosistem di kampung ini dapat dikekalkan, selain dapat menjana pendapatan sampingan kepada penduduk setempat," katanya.